


PENGLIBATAN WANITA DALAM PILIHAN RAYA

Penulis Artikel

Shafiyah Iqlima Binti Mohd Nadzri

Felow Kluster Kesejahteraan Sosial





Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

Emel Pengarang : iqlima@tsis.my

**PENGLIBATAN
WANITA
DALAM PILIHAN RAYA**

PENULIS

Shafiyah Iqlima Binti Mohd Nadzri
Kluster Kesejahteraan Sosial
Jabatan Hal Ehwal Parlimen Dan Global
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)

SEMAKAN AKADEMIK

Puan Asmak Husin
Mantan Ahli Dewan Negara

Pendahuluan

Malaysia merupakan salah satu negara di dunia yang masih mengamalkan sistem demokrasi selain Britain, Korea Selatan dan Norway. Sistem demokrasi mempunyai ciri-ciri asas seperti kebebasan berpolitik, pemerintahan oleh rakyat, proses pilihan raya yang adil serta konsep perwakilan. Oleh itu, pilihan raya merupakan salah satu ciri utama Demokrasi Berparlimen yang memberi peluang kepada rakyat sama ada lelaki atau wanita untuk memberikan mandat kepada parti yang berjaya memegang tampuk pemerintahan (Mohd Roslan, 2012).

Pembabitian wanita dalam arena politik merupakan suatu keadaan yang tidak asing lagi dalam masyarakat kini bahkan telah bermula sejak 1950-an lagi dengan penubuhan beberapa pertubuhan wanita seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Kaum Ibu Rembau dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan penglibatan wanita dalam pilihan raya yang bermula sejak pilihan raya pertama peringkat tempatan di Kuala Lumpur pada Februari 1952 (Mohd Roslan, 2012). Seramai empat orang wanita telah menyertai pilihan raya tersebut.



Rajah 1: YB Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh angkat sumpah sebagai Senator Dewan Negara (Sumber, Portal Rasmi Parlimen Malaysia)

bilangan pemimpin yang sepadan dengan bilangannya bagi memastikan suara wanita benar-benar dibawa oleh kelompok mereka sendiri sekali gus segala proses merangka dasar dan polisi serta permasalahan sosial yang berkaitan dengan wanita benar-benar membumi.

Namun begitu, realitinya, sehingga kini peratusan penglibatan wanita dalam pilihan raya dan juga sebagai pembuat dasar masih lagi rendah. Buktinya, setelah 14 kali pilihan raya umum dijalankan, peningkatan penyertaan wanita dalam pilihan raya masih lagi tidak mencapai angka 30% bahkan hanya 15% sahaja pencapaian tertinggi sehingga kini. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan keupayaan wanita amat terhad untuk mempengaruhi proses membuat keputusan (Fatimi Hanafi, 2015).

Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kurangnya sokongan daripada ahli keluarga, konflik peranan antara keluarga dan kerjaya serta persepsi sosial terhadap kemampuan kepimpinan wanita.

Sejarah telah membuktikan telah hampir 70 tahun yang lalu wanita terbabit dalam pilihan raya sekali gus menzahirkan bahawa representasi wanita amatlah penting kerana kurangnya penglibatan wanita dalam pembuat dasar negara akan menimbulkan masalah sosiobudaya untuk jangka masa panjang (Norlizawaty Abdu Samad, 2021). Tambahan pula, jumlah populasi wanita hampir 49% dari 32.7 juta rakyat Malaysia sewajarnya diwakili oleh

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan antaranya adalah dari segi pemerkasaan undang-undang dan dasar serta polisi. Selain itu, pelbagai peruntukan juga telah disalurkan namun begitu, persediaan untuk menghadapi pilihan raya khususnya kaum wanita masih lagi kurang memberangsangkan.

Justeru, penulisan ini akan membawa pembaca menelusuri realiti dan cabaran semasa penyertaan wanita dalam pilihan raya umum di Malaysia. Selain itu, usaha-usaha yang sedang dan telah dijalankan oleh Kerajaan serta cadangan penambahbaikan yang patut diketengahkan bagi menarik lebih ramai golongan wanita menyertainya.

Realiti Semasa Penyertaan Wanita Dalam Pilihan Raya

Merujuk laporan Global Gender Gap Report, 2020 (GGGP 2020) dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), sebuah pertubuhan antarabangsa mengeluarkan ranking indeks pembabitan wanita dalam empat perkara dan salah satunya berkenaan penyertaan wanita dalam politik. Melalui laporan tersebut, Malaysia menduduki kedudukan ke-117 terbukti lebih rendah berbanding dengan negara kurang membangun seperti Cuba, Peru, dan Ghana (Norlizawaty Abdu Samad, 2021).


Laporan tersebut disokong oleh penyertaan wanita dalam tiga pilihan raya terakhir yang menunjukkan penglibatan sekitar 10% sahaja. Bilangan calon wanita yang bertanding dalam PRU-12, hanya sebanyak 8.8% sahaja. Peratusan ini menurun pada PRU-13, apabila calon wanita yang bertanding hanyalah sebanyak 8.02% sahaja (Norlizawaty Abdu Samad, 2021). Meskipun, pada PRU-14, peratusan tersebut meningkat sehingga 10.24%, namun nilai tersebut tidak signifikan sama sekali kerana peningkatan yang amat sedikit.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan penyertaan lelaki dan wanita dalam pilihan raya dalam tiga pilihan raya terakhir.



Walaupun penglibatan politik wanita telah lama bermula, namun kekuatannya dari segi jumlah representasi wanita di Parlimen masih tidak signifikan. Hal ini disebabkan penyertaan yang rendah dalam pilihan raya sekali gus membawa kepada bilangan wanita dalam pembuat dasar turut rendah. Perkara ini menggambarkan seolah-olah kaum wanita di Malaysia tidak memainkan peranan yang penting dalam sistem pentadbiran negara (Sharifah Syahirah Syed Sheikh, 2010).

Jadual 2 menunjukkan jumlah representasi politik wanita di Parlimen semenjak tahun 1955.



Mengikut jadual di atas jumlah wanita sebagai ahli Parlimen pada tahun 1999, 2004 dan 2008 adalah sebanyak 10.3%, 10.5%, 10.8%. Walau bagaimanapun, kembali merosot pada PRU ke-13 iaitu hanya 9% sahaja dan berlaku sedikit peningkatan yang signifikan pada PRU seterusnya iaitu sebanyak 15%. Angka ini menunjukkan perkembangan yang tidak memberangsangkan menyebabkan ketidakseimbangan

dan ketiadaan suara wanita dalam peranan merangka polisi kemasyarakatan, ekonomi dan politik amat ketara.

Cabaran Wanita Ke Arah Pilihan Raya Umum

Sokongan Daripada Keluarga Yang Terhad

Cabaran pertama yang dihadapi oleh kaum wanita untuk berpolitik adalah kurangnya sokongan daripada ahli keluarga terutama suami. Wanita mempunyai dwi peranan iaitu tanggungjawab untuk menguruskan rumah tangga serta tanggungjawab untuk menjadi pemimpin. Perkara ini menyebabkan para wanita mengalami limitasi masa untuk membahagikan masa mereka kepada keluarga serta bebanan tugas lebih-lebih lagi suami ataupun sistem sokongan keluarga tidak memainkan peranan yang sewajarnya (Noor Rahamah Abu Bakar, 2012). Hal ini menyebabkan wanita terpaksa memikul beban yang berlebihan berbanding kaum lelaki (Sharifah Syahirah Syed Sheikh, 2010).

Persepsi Negatif Masyarakat



Rajah 2: Cabaran Dan Peranan Wanita Di Negara (Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM)

Di samping itu, cabaran wanita untuk menjadi pemimpin adalah disebabkan oleh penilaian sera pandang masyarakat iaitu *public stereotyping* yang masih mendukung pendirian wanita tidak sesuai menjadi pemimpin. Selain itu, dakwaan wanita yang memegang tampuk pemerintahan bertentangan Islam juga berkisar di dalam kalangan masyarakat hari ini. Malahan, memandangkan golongan lelaki telah mendominasi hampir semua bidang kerjaya begitu juga politik, kewujudan golongan wanita seolah-olah tidak dapat diterima oleh sesetengah pihak terutama aspek kepimpinan (Mohd Roslan, 2012). Persepsi sedemikian rupa menyebabkan para wanita tidak berani untuk bertanding dalam pilihan raya sekali gus menyekat mereka untuk menjadi salah seorang pemimpin negara.

Kurang Pendedahan Terhadap Bidang Politik

Antara cabaran untuk wanita menyertai bidang politik adalah disebabkan mereka kurang diberi pendedahan berkenaan bidang politik sama ada berkaitan dengan kepentingan serta keperluan wanita sebagai pembuat dasar (Mohd Hafiz Ismail, 2019). Buktinya, kebanyakan usaha Kerajaan ke arah pemeraksanaan wanita langsung

tidak menjurus ke arah pemerksaan bidang kepimpinan wanita. Perkara ini menyebabkan mentaliti mereka tidak bersedia untuk menyertai aspek kepimpinan.

Salah Faham Masyarakat Terhadap Pimpinan Wanita

Isu yang berlegar dalam kalangan wanita adalah berkenaan salah faham masyarakat terhadap kemampuan wanita. Rakyat menilai pemimpin wanita seharusnya berkemampuan setaraf dengan lelaki sedangkan setiap golongan mempunyai batas dan fitrah nurani yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri serta ciri-ciri dan kemampuan khusus untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing (Shayuthy Abdul Manas, 2008). Sebagai contoh, wanita mempunyai limitasi dalam bergerak kerja atas beberapa faktor seperti faktor keselamatan diri walau bagaimanapun mereka tidak boleh dinafikan hak untuk memimpin. Oleh itu, penilaian masyarakat terhadap kaum wanita yang setaraf dengan kemampuan lelaki menjadi cabaran untuk kaum wanita sehingga menyebabkan penerimaan rakyat ke arah kepimpinan wanita terbantut.

A Way Forward

Memperkasa Undang-undang

Tidak dinafikan, pelbagai usaha yang dijalankan oleh Kerajaan antaranya dengan memperkasakan undang-undang. Di Malaysia, telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebahagian hak-hak asasi bagi menjamin kebebasan untuk hidup, kebebasan bergerak, bersuara, berhimpun dan berpersatuan, beragama dan juga hak-hak bersangkutan pendidikan antaranya Dalam Fasal 3 Piagam Hak Asasi Manusia Malaysia menyatakan hak wanita sebagai Hak Asasi Manusia iaitu (Fatimi Hanafi, 2016):

- i. Hak wanita adalah hak asasi manusia.
- ii. Sistem patriaki memang wujud dalam semua institusi, kelakuan, norma dan nilai sosial dalam masyarakat. Ia wujud dalam pelbagai bentuk tanpa mengira kelas, kebudayaan, kasta atau kumpulan etnik.
- iii. Semua bentuk diskriminasi terhadap wanita harus dibasmi.
- iv. Keganasan terhadap wanita merupakan satu alat utama yang membolehkan patriaki berterusan dan dengan ini melanjutkan penindasan, penganiayaan dan eksploitasi wanita.
- v. Untuk memberikan seseorang wanita kehidupan yang bermaruah dan mempunyai hak menentukan nasib sendiri, wanita mestilah dijamin hak-hak mereka yang sama dan yang boleh dipindah milik dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan agama.

Berdasarkan undang-undang ini, semua rakyat Malaysia bebas untuk melakukan apa sahaja termasuklah menyertai bidang politik tidak kira sama ada lelaki mahupun

wanita. Oleh itu, tidak ada mana-mana pihak yang berhak untuk melarang golongan wanita daripada terlibat dalam apa jua aktiviti termasuklah untuk menyertai pilihan raya. Perkara ini secara tidak langsung mampu membuka peluang yang besar kepada para wanita apabila mereka juga berhak berlandaskan undang-undang untuk menyertainya.

Oleh itu, bagi meningkatkan wanita menyertai pilihan raya khususnya, Kerajaan dicadangkan agar menggesa semua parti yang menyertai pilihan raya menghantar calon wanita 30% daripada calon lelaki. Hal ini bagi memastikan, semua parti bersedia untuk melahirkan lebih ramai kaum wanita menyertai pilihan raya sekali gus mampu meningkatkan bilangan wanita sebagai pembuat dasar.

Memperkemas Dasar Wanita Negara

Sejak tahun 1998, Dasar Wanita Negara telah dirangka hasil daripada Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration). Kesenambungan daripada itu, Dasar Wanita Negara telah diperkemas dengan mengambil kira cabaran, isu dan peluang semasa (KPWKM, 2021).

Berlandaskan dasar tersebut, pihak Kementerian telah menggariskan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang pertama bermula tahun 2013 dan baru-baru ini, Kementerian tersebut telah mengeluarkan pelan strategik terbaru bagi tempoh 2021-2025. Pelan strategik tersebut akan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan dasar tersebut tercapai. Justeru, pelbagai program sedang dan telah dijalankan bagi merealisasikan dasar dan pelan pemerksaan wanita antaranya Simposium Wanita Negara 2021 iaitu bagi Merealisasikan Pemerksaan Wanita Agenda Berterusan KPWKM yang telah dijalankan pada Ogos 2021 (JPW, 2021).

Selain itu, Kerajaan juga telah memperuntukan RM5 juta dalam bajet 2022 bagi menjayakan strategi 2 iaitu membangun sebuah Keluarga Malaysia. Pihak kementerian telah menyalurkan bajet tersebut kepada Yayasan Kepimpinan Wanita iaitu satu pertubuhan yang ditubuhkan sejak 2021 bagi menghasilkan pemimpin wanita boleh menjadi sebahagian daripada proses membuat keputusan.

Tambahan pula, pihak Kerajaan juga menggariskan pemerksaan gender merupakan salah satu rancangan Malaysia Ke-12 iaitu dengan menyediakan pusat asuhan kanak-kanak serta pusat intervensi warga emas. Usaha pemerksaan ini bagi memastikan penglibatan wanita dalam proses membuat dasar dapat dipertingkatkan iaitu dengan menjamin keselamatan anak-anak mereka serta ibu bapa mereka.

Justeru, walaupun dasar wanita telah menetapkan 30% wanita di peringkat pembuat keputusan telah diperkenalkan pada tahun 2004, dasar ini hanya dilaksanakan di

peringkat sektor pentadbiran awam sahaja. Kelemahan dasar ini dan ketiadaan pelan tindakan yang jelas, representasi politik wanita di Malaysia tidak dapat dijayakan. Oleh itu, dasar ini perlu dikaji semula mengikut kesesuaian masa dan keadaan (Norlizawaty Abdu Samad, 2021).

Selain dasar yang tidak jelas, usaha yang dijalankan oleh Kerajaan masih lagi tidak menurus terhadap persediaan wanita bagi menghadapi pilihan raya umum. Sebagai contoh, simposium yang dijalankan pada tahun lalu hanya menjerumus ke arah penyediaan wanita dalam bisnes. Malah aktiviti yang disediakan oleh Yayasan Kepimpinan Wanita juga tidak membawa kepada agenda pemerksaan wanita sebagai pemimpin, hanya ke arah wanita yang berdikari dengan menjalankan perniagaan.

Oleh itu, Kerajaan seharusnya memperbanyakkan lagi aktiviti serta latihan yang sememangnya khusus ke arah pembinaan kepimpinan wanita dalam bidang politik. Selain itu, aktiviti tersebut juga seharusnya menurus ke arah penekan terhadap pendekatan bagi memastikan wanita mampu untuk terus berkecimpung dalam bidang politik tanpa membelakangkan keluarga.

Menangkis Persepsi Negatif

Di samping itu, masyarakat secara keseluruhannya perlu menangkis persepsi negatif yang wujud terhadap kepimpinan wanita. Islam tidak menghalang wanita untuk menyertai bidang politik khususnya dalam pilihan raya. Sebagai contoh tokoh wanita Turki, Merve Kavakci yang telah berjaya memenangi pilihan raya dan menjadi salah seorang Ahli Parlimen Turki pada tahun 1999. Beliau memperjuangkan kebebasan bertudung di Turki yang terkenal dengan ideologi Kemalism sehingga menerima ancaman dilucut kewarganegaraan. Namun, perkara tersebut langsung tidak mematahkan semangat juang beliau untuk mengangkat hak wanita. Akhirnya, setelah berbelas tahun, Kerajaan Turki di bawah kepimpinan Perdana Menteri Erdogan menarik balik larangan bertudung (PERANCIS 24, 2013).

Jelas sekali, kehebatan wanita sebagai salah seorang ahli parlimen tidak boleh disangkal lagi malah suara mereka dalam mempertahankan hak amat penting dalam proses penggubalan dasar dan polisi negara. Oleh itu, segala persepsi negatif terhadap kepimpinan wanita sewajarnya dihapuskan bahkan agama Islam secara asasnya membenarkan keterlibatan wanita dalam politik dan juga pilihan raya berdasarkan keumuman ayat Allah S.W.T:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Dan orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan, sebagian mereka menjadi penolong bagi sebagian yang lain. Mereka menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar. [Al-Taubah:71]


Oleh itu, segala pandangan negatif terhadap wanita berpolitik wajar dihapuskan sekali gus mampu meningkatkan keyakinan wanita untuk menyertai bidang politik khususnya menyertai pilihan raya. Konsep representasi politik seperti ini mampu melahirkan lebih ramai wanita terlibat dalam proses membuat dasar sekali gus dasar yang dijalankan benar-benar memahami pandang sudut wanita secara holistik (Sharifah Hayati Syed Malaya, 2002).

Penutup

Representasi wanita dalam pilihan raya amat penting untuk pembangunan negara. Walaupun telah berdekad lamanya penyertaan mereka dalam arena politik pilihan raya, namun trend semasa bagi penyertaan wanita dalam pilihan raya menunjukkan indikator yang masih lagi lemah. Perkara ini disebabkan oleh pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh golongan ini. Selain itu, usaha Kerajaan bagi meningkatkan partisipasi wanita dalam pilihan raya masih belum membumi. Oleh itu, semua pihak sama ada Kerajaan mahupun parti-parti yang akan bertanding seharusnya segera bersiap-sedia dengan pelbagai strategi dan pendekatan, agar kewibawaan kaum wanita menyerlah, dan akhirnya mereka bersedia untuk bertanding dan akan dapat memenangi hati rakyat dalam pilihan raya yang akan datang sekali gus suara-suara wanita semakin diangkat sebagai pembuat dasar awam.

SENARAI RUJUKAN

- Fatimi Hanafi. (2015). Faktor-faktor Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik di Malaysia: Amalan Demokrasi dan Dasar Agama Islam. *Social Science Postgraduate International Seminar*, 228-236.
- Fatimi Hanafi. (2016). Hak Asasi Manusia Dan Penglibatan Wanita Dalam Politik Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 17-33.
- JPW. (2021). *Jabatan Pembangunan Wanita*. Didapatkan dari jpw.gov.my: <https://www.jpw.gov.my/ms/mengenai-jpw/dasar-polisi/dasar-wanita-negara-dan-pelan-tindakan-pembangunan-wanita>
- KPWKM. (2021). *Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: ONE TOUCH CREATIVE SDN. BHD.
- Malaysia, U. K. (2022). *Cabaran Dan Peranan Wanita Di Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hafiz Ismail. (2019, Jun 19). *Sinar Harian*. Didapatkan dari Sinar Harian Online: <https://www.sinarharian.com.my/article/31754/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Wanita-Malaysia-semakin-kompetitif>
- Mohd Roslan. (2012). Wanita Dan Politik Pilihanraya Menurut Perspektif Al-quran. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, 1.
- Noor Rahamah Abu Bakar. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 155-162.
- Norlizawaty Abdu Samad. (2021, Februari 25). *Berita Harian Online*. Didapatkan dari Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/02/790008/penyertaan-wanita-dalam-arena-politik-masih-rendah>
- PERANCIS 24. (2013, Januari 1). *FRANCE24*. Didapatkan dari france24.com: <https://www.france24.com/en/20131031-turkish-women-mps-headscarves-parliament-secular-erdogan-turkey-muslim-islam>
- Sharifah Hayati Syed Malaya. (2002). Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dari Perspektif Siyasa Syar'iyah. *Journal Syariah*, 109-122.
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh. (2010). Pemerkasaan Representasi Politik Wanita di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12), 2008. *The Journal of Administrative Science*, 11-37.
- Shayuthy Abdul Manas. (2008). *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Politik*. Selangor: PTS Islamika.



Sila petik karya ini seperti berikut :
Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri.(2022 Mac 7).Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya.
Perspektif, 3/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :
www.tsis.my



© Hak Cipta Terpelihara